



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Nor Izyaty Binti Daud

Jabatan /
Bahagian : Audit Dalam, QMS & Integriti / Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : Mortal Engines

Tempat
terbitan : London

Penerbit : Scholastic

Jumlah muka
surat : 320

Tahun terbitan : 2015

Sasaran umur
pembaca : 13 tahun keatas

Komen fizikal : Pada pendapat saya, saiz buku ini bersesuaian. Ia tidak terlalu tebal, mudah untuk dibawa kemana sahaja. Namun begitu, grafik yang digunakan untuk ilustrasi adalah sedikit berbeza dengan buku-buku yang berada di pasaran sekarang. Sungguhpun begitu, saya berpegang dengan prinsip jangan menilai sesebuah buku dari luaran.

Positif : Antara nilai positif yang dapat diungkai dari buku ini ialah kita perlu belajar dari kesilapan, dan jangan mengulangi kesilapan yang sama. Selain itu, penulis menyampaikan bahawa mencuba sesuatu yang baharu untuk keluar dari zon selesa bukanlah suatu perkara yang perlu dielakkan.

Negatif : Unsur negatif yang dapat disimpulkan dari buku ini adalah hidup jangan sesekali berpaksakan wang, atau dalam erti kata lain jangan menjadi hamba kemewahan.

Kelebihan : Buku ini membawa saya ke tahap imaginasi yang berbeza, di mana pembaca perlu membayangkan bagaimana keadaan yang digambarkan oleh penulis pada masa hadapan.

Luahan rasa	: Saya berpendapat bahawa buku ini tidak sarat dengan emosi. Ia boleh dibaca ketika santai kerana mudah difahami.
Ulasan	: Sebuah karya Phillip Reeve, buku ini menceritakan kisah pengembaraan seorang Perintis Sejarawan dari London yang bernama Tom Natsworthy. Kisah ini berlatar belakangkan zaman selepas Perang 60 Minit yang telah memusnahkan sebahagian besar dunia, dan mengakibatkan bandar-bandar besar memasang enjin dan bergerak melata di permukaan bumi. Mereka hidup berpaksikan Traction Darwinism, di mana bandar besar akan memakan atau menguasai bandar kecil. Kisah bermula apabila London sedang mengejar bandar yang lebih kecil iaitu Salthook (pada zaman itu, bandar besar akan menguasai bandar kecil dan meratah segala hasil di dalam bandar itu). Pada ketika itu, Tom ditugaskan untuk mencari artifak sejarah di dalam sisa-sisa Salthook jauh di ceruk Kota London. Tom merasa amat bertuah kerana telah berjumpa dengan Theddeus Valentine, ketua Sejarawan yang sangat dihormati di London dan sangat diidolakan oleh Tom. Valentine kemudian menjemput Tom untuk mencari artifak bersama-sama. Tanpa disedari oleh sesiapa, terdapat tetamu yang tidak diundang berada di dalam kelompok tawanan Salthook, yang bernama Hester. Dia dapat menyelinap keluar dan cuba untuk menikam Valentine, namun disedari oleh Tom yang berusaha sehabis daya untuk menghalang Hester. Mengetahui dirinya tidak akan berjaya, Hester cuba untuk melepaskan diri namun berjaya dikejar oleh Tom. Namun begitu, Hester berjaya melepaskan diri melalui lohong gelap yang memuntahkan sisa-sisa buangan. Tom yang akur kerana tidak berjaya menahan Hester kemudian melaporkan kepada Valentine. Kerana amarah, Valentine menolak Tom sehingga beliau jatuh ke dalam lohong itu. Sejurus tersedar, Tom mendapati bahawa dia berada di permukaan tanah, suatu tempat yang tidak pernah dia jejak. Ini adalah kerana semenjak dilahirkan, dia berada di atas bandar yang bergerak. Tom juga dibesarkan dengan idea yang menolak Anti-Gerakan, iaitu suatu ideologi tinggal di bandar yang statik. Hester memberitahu Tom bahawa dia ingin membalas dendam terhadap Valentine yang telah membunuh ibu-bapanya dan turut cuba untuk membunuh Hester namun dia sempat melarikan diri. Valentine cuma berjaya mencederakan wajahnya sehingga cacat. Mereka cuba menjejaki London semula yang telah jauh meninggalkan mereka, namun ditangkap untuk dijual oleh sebuah bandar yang dinamakan Speedwell. Nasib mereka amat baik apabila diselamatkan oleh seorang juruterbang yang bernama Anna Fang. Anna membawa mereka terbang ke Airhaven. Di sana, mereka mempelajari bahawa Anna adalah seorang ahli Anti-Gerakan. Tanpa diketahui, mereka sedang dikejar oleh sebuah cyborg (Ressurrected Man), yang bernama Shrike. Shrike diupah oleh Valentine untuk membunuh Tom dan Hester. Rancangan Shrike gagal selepas beliau memusnahkan Airhaven dan sasarannya berjaya meloloskan diri, namun terpisah dengan Anna Fang.

Shrike cuba untuk menjejaki mereka namun akhirnya terbunuh selepas ditikam Tom. Tom dan Hester berjaya menemukan Anna dan mereka dibawa ke Guan Shou, markas utama Anti-Gerakan. Tom mempelajari bahawa London sedang mensasarkan untuk menyerang Guan Shou dengan sebuah senjata yang merbahaya yang dinamakan Medusa. Medusa dibina semula oleh Valentine, dan merupakan senjata yang telah memusnahkan dunia ketika Perang 60 Minit. Kekuatan Medusa mampu memusnahkan sebuah bandar besar dengan serta merta.

Tom menyedari Valentine berada di Guan Shou dan cuba mengejar beliau. Valentine turut mencuba untuk membakar semua pesawat terbang yang berada di Guan Shou, sekaligus melemahkan pasukan tentera mereka. Tom cuba untuk menghalang namun tidak berjaya. Anna yang datang selepas itu juga cuba untuk membantu dengan melawan namun dibunuh Valentine. Valentine berjaya melarikan diri ke Kota London dan bersiap sedia untuk menyerang menggunakan Medusa.

Tom membawa Hester ke London menggunakan pesawat milik Anna yang dapat diselamatkan dari kemusnahan untuk menghalang Medusa. Hester berjaya masuk ke kota London untuk menghalang Medusa. Beliau berjaya memusnahkan komputer utama Medusa namun kuasa yang terkumpul dari Medusa masih aktif dan menyebabkan London mengalami gempa. Valentine tiba untuk membetulkan keadaan namun Hester membuat cubaan semula untuk membunuh Valentine. Walaubagaimanapun, Hester tidak berjaya kerana tikaman beliau dihalang oleh Katherine, anak kepada Valentine. Pada ketika itu, Valentine memberitahu bahawa Hester juga adalah anak Valentine namun beliau berpisah dengan ibu Hester akibat perselisihan ideologi.

Hester melarikan diri ketika keadaan huru hara dan sempat mencapai pesawat yang dipandu Tom yang berlegar di ruang Kota London. London akhirnya musnah akibat kuasa Medusa yang terlalu kuat dan akhirnya membunuh semua yang berada di atasnya termasuk Valentine. Tom dan Hester akhirnya terbang di ruangan udara, mengharap sinar baharu di destinasi mereka yang belum diketahui.

Kesinambungan kisah ini di dalam buku yang berjudul Predator's Gold.

Gambar Buku :

